

30/10/2003

Tioman perlu dimaju: Dr M

Mohd Azlan Jaafar; Zainuddin Isa

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebahagian kecil Pulau Tioman terpaksa dikorbankan untuk pembinaan lapangan terbang baru supaya lebih ramai pengunjung dapat menikmati keindahan pulau berkenaan.

Perdana Menteri berkata, kecantikan Pulau Tioman yang dianggap antara 10

pulau tercantik di dunia, tidak akan memberi sebarang makna jika tidak dapat dikongsi dengan orang lain.

"Pulau ini amat cantik dan menarik tetapi jika tidak dilihat sesiapa, tidak ada guna.

"Sebahagian kecil Pulau Tioman terpaksa dikorbankan untuk membangunkan lapangan terbang supaya bahagian besar pulau berkenaan dapat dinikmati pelancong," katanya berucap ketika merasmikan majlis pecah tanah projek berkenaan melalui multimedia di Kompleks Perdana Putra, semalam.

Lapangan terbang baru di pulau bebas cukai itu bernilai kira-kira RM100

juta, dijangka siap dalam dua tahun mampu meningkatkan sektor pelancongan

dan taraf hidup penduduk di pulau berkenaan.

Kerja pembinaan lapangan terbang di bahagian barat laut pulau berhampiran kampung paya, dijangka bermula dalam tempoh dua bulan lagi.

Ia

merangkumi pembinaan landasan di laut dengan terminal di bahagian darat.

Dr Mahathir berkata, dengan kemudahan itu Tioman akan lebih mudah dihubungi lebih ramai pengunjung dari dalam dan luar negara.

"Walaupun kini pulau ini menarik perhatian kira-kira 200,000 pelancong setahun tetapi jumlah itu tidak besar kerana kemudahan perhubungan ke pulau itu sekarang tidak begitu selesa dan lapangan terbang terhad kepada pesawat kecil saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, lapangan terbang baru yang akan dibina itu membolehkan pesawat besar termasuk Boeing 737 mendarat dan membawa lebih ramai pengunjung.

"Dengan itu keindahan dapat dilihat dan dinikmati. Walaupun keindahan itu sesuatu yang subjektif, jika ia tidak dapat dilihat, keindahan tidak dapat dinilai oleh sesiapa," katanya.

Beliau juga percaya lapangan terbang itu dapat meningkatkan taraf hidup

dan ekonomi penduduk seperti di Pulau Langkawi, Kedah.

"Penduduk Langkawi adalah antara yang termiskin di Kedah, sekarang hidup

lebih sempurna, rumah kayu dan buluh sudah bertukar rumah batu, jalan lebih baik dan pendapatan bertambah," katanya.

Dr Mahathir juga yakin pulau berkenaan akan dibangunkan secara bijak bagi memastikan keindahan alam sekitar terpelihara.

"Tumbuhan dan batu karang perlu dijaga dengan baik kerana ini menjadi daya penarik dan mereka yang nak bangunkan pulau ini perlu mengambil kira

alam sekitar," katanya.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy yang berada di Tioman berkata, lapangan terbang baru yang menelan belanja hampir RM140 juta itu dijangka siap dalam masa 102 minggu atau kira-kira dua tahun dari tarikh projek ditender selewat-lewatnya Januari ini.

Beliau berkata, lapangan terbang berkenaan dianggap unik kerana ia berkonsepkan lapangan terbang ala resort dengan landasannya dibina di atas

laut antara Kampung Paya dan Kampung Genting.

"Setakat ini, kontraktor yang akan melaksanakan projek ini sudah disenarai pendek dan penawaran tender akan dibuat Kementerian Kewangan dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian itu.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan timbalannya, Datuk Tan Aminuddin Ishak serta kira-kira 300 penduduk kampung.

Chan berkata, bagi memastikan projek berkenaan tidak menjejaskan alam sekitar, kerajaan akan memastikan kontraktor yang diberi tugas membina lapangan terbang berkenaan mematuhi semua syarat yang ditetapkan Laporan Penilaian Kualiti Alam Sekitar (EIA).

Terdahulu, dalam ucapannya, Chan berkata, lapangan terbang baru Tioman bagi menggantikan Lapangan Terbang di Kampung Tekek berkemampuan mengendalikan pesawat lebih besar jenis Boeing 737 atau sekelas dengannya.

Katanya, projek lapangan terbang itu akan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada penduduk tempatan, sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

Pulau yang mempunyai kira-kira 3,000 penduduk diberi taraf bebas cukai oleh Kerajaan Persekutuan pada 1 November tahun lalu - pulau ketiga selepas Langkawi dan Labuan menikmati status berkenaan.